

PELAN STRATEGIK JTKSM 2021-2025



JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) merangka Pelan Strategik JTKSM 25 (PS JTKSM 25) dengan memberi tumpuan kepada perancangan yang lebih inklusif dan hala tuju yang lebih jelas selaras dengan fokus utama dan visi Jabatan iaitu "Peneraju penguatkuasaan, perundangan dan pentadbiran perburuhan negara".

Pelan Strategik ini dirangka dan diterjemahkan dalam bentuk pelan tindakan yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2021 sehingga 2025. Tempoh pelaksanaan PS JTKSM 25 ini amat penting ke arah mencapai matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) iaitu mengukuhkan pasaran buruh menjelang 2030 di bawah Teras Strategik ke-4 dan fokus utama Kementerian Sumber Manusia (KSM) di bawah Inisiatif Sumber Manusia Kebangsaan (*National Human Resource Initiatives*) iaitu pematuhan aspek perburuhan. Pelan Strategik yang dirangka ini juga mengambil kira aspek transisi pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan selaras dengan budaya kerja norma baharu.



KERANGKA PELAN STRATEGIK

Kerangka PS JTKSM 25 adalah rangkuman semua elemen yang memacu kepada pencapaian visi dan misi JTKSM iaitu nilai bersama yang perlu digarap dalam diri pegawai (prihatin, responsif, profesional, kerjasama, keadilan dan mesra pelanggan).



VISI

Peneraju Utama Penguatkuasaan, Perundangan & Pentadbiran Perburuhan Negara



MISI

Memperkasakan Penguatkuasaan & Pentadbiran Perburuhan bagi Memastikan Hak dan Kepentingan Pekerja dan Majikan dilindungi serta terpelihara

Pengurusan perburuhan dan penguatkuasaan yang lebih efisien dan efektif serta peningkatan pematuhan terhadap perundangan dan piawaian perburuhan

KLUSTER 01

Peneraju Pengurusan Perburuhan Negara

1. Transformasi Penyampaian Perkhidmatan
2. Memperkasa Tadbir Urus Penggajian Perkerja Asing
3. Penyampaian Pendidikan Perburuhan yang mampan
4. Menyebarkan peranan & aktiviti Jabatan
5. Mempertingkatkan kebolehpakaian data Jabatan

Bil. Strategi 05

Bil. Inisiatif 17

Bil. Indikator 29

Bil. Strategi 03

Bil. Inisiatif 12

Bil. Indikator 19

KLUSTER 02

Penguatkuasaan Perundangan & Piawaian Perburuhan

1. Memastikan perundangan perburuhan relevan dengan keperluan semasa dan masa depan
2. Memantapkan pematuhan piawaian undang-undang perburuhan
3. Meningkatkan kerjasama tripartit antara Majikan, Pekerja & Kerajaan

KLUSTER 03


Organisasi Berpaksikan Rakyat & Bertaraf Antarabangsa

1. Memantapkan struktur organisasi Jabatan Tenaga Kerja
2. Membangun program modal insan yang tersusun
3. Meluaskan penggunaan teknologi digital dalam tugas seharian
4. Meningkatkan imej korporat Jabatan

Bil. Strategi 04

Bil. Inisiatif 18

Bil. Indikator 21



Kapasiti Organisasi



Kewangan



Proses Dalaman



Pelanggan/Pihak Berkepentingan



**Prihatin, Responsif, Profesional, Kerjasama,
Keadilan & Mesra Pelanggan**



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Aras 5 Blok D3 Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia

Telefon :03-8000 8000
Faksimili :03-8889 2368
Emel :jtksm@mohr.gov.my
Laman web :jtksm.mohr.gov.my

